

Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan: Faktor Kejayaan Kritikal

Government Green Procurement Implementation: Critical Success Factors

Khairul Naim Adham
Ketua Unit Perancangan Strategik
Pasukan Teras Pusat Biodiversiti Kebangsaan
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
E-mel: khairulnaim@nre.gov.my

Chamhuri Siwar
Profesor Emeritus
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: csiwar@ukm.my

Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz
Profesor Madya
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: saziz@ukm.my

ABSTRAK

Perolehan hijau Kerajaan (*government green procurement-GGP*) merupakan salah satu pendekatan mengarusperdana pertimbangan alam sekitar dalam membangunkan ekonomi. GGP merujuk kepada pemerolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja oleh Kerajaan yang mengambil kira kriteria dan standard alam sekitar untuk memelihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar serta memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan lestari. Walaupun GGP secara relatifnya merupakan konsep baru di Asia, terdapat beberapa buah negara di Asia yang telah melaksanakan GGP dengan jayanya seperti di Jepun, Korea Selatan, China dan Thailand. Bagi merangka strategi pelaksanaan GGP yang berkesan, Malaysia boleh menimba pengalaman daripada negara-negara berkenaan. Sehubungan dengan itu, kajian komparatif dengan menggunakan data sekunder telah dijalankan. Kertas ini memberi fokus kepada negara Korea Selatan dan Thailand kerana terdapat persamaan dalam sistem pentadbiran negara berkenaan dengan Malaysia serta pencapaian GGP di negara berkenaan yang mengagumkan. Kertas ini mengenal pasti tujuh faktor kejayaan kritikal dalam menggalakkan GGP iaitu (i) Komitmen dan sokongan padu kerajaan dalam bentuk polisi, inisiatif dan insentif yang menyokong pelaksanaan GGP; (ii) Perundangan dan peraturan bagi menguatkuasakan pelaksanaan GGP; (iii) Kerangka institusi yang jelas dan mantap bagi melaksanakan GGP; (iv) Ketersediaan produk dan perkhidmatan hijau serta instrumen GGP seperti label hijau dan direktori produk dan perkhidmatan hijau; (v) Pembangunan kapasiti pegawai perolehan kerajaan dan pembekal kerajaan; (vi) Promosi dan kempen bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan GGP; dan (vii) Sistem pemantauan pelaksanaan dan pelaporan GGP yang berkesan. Dapatan ini penting sebagai panduan kepada pembuat dasar di Malaysia dalam merencana strategi pelaksanaan GGP.

Kata kunci: Perolehan Kerajaan, Perolehan Hijau Kerajaan, Faktor Kejayaan Kritikal

ABSTRACT

Government green procurement (GGP) is one of the approaches in mainstreaming environmental considerations in developing the economy. It refers to the procurement of supplies, services and works by the Government taking into account environmental criteria and standards to preserve and minimize the impact on the environment and accelerate economic growth in achieving sustainable development. Though GGP is relatively new concept in the Asia, some countries in the Asia have been successful adopted GGP such as in Japan, South Korea, China and Thailand. In order to develop an effective implementation strategy for GGP, Malaysia could emulate those countries experience. For this reason,

comparative study using secondary data was conducted. This paper focuses on South Korea and Thailand because their administrative system is similar to Malaysia and their impressive achievement of GGP. This paper identifies seven critical success factors in promoting GGP namely (i) Commitment and support of the Government in the form of budgets, incentives and initiatives; (ii) Legal framework to enforce GGP implementation; (iii) Clear and stable institutional framework in implementing GGP; (iv) Availability of green products and services, and GGP instruments such as green label, green products and services directory; (v) Capacity building for government procurers and government suppliers; (vi) Promotion and campaign towards awareness raising on the importance of GGP; and (vii) Effective GGP monitoring and reporting system. The findings of the study could be used as guideline for the policy maker in establishing GGP strategy.

Keywords: Government Procurement, Government Green Procurement, Critical Success Factor

PENGENALAN

Perolehan kerajaan merupakan pengurusan untuk mendapatkan bekalan, perkhidmatan atau kerja mengikut peraturan dan arahan semasa Perbendaharaan bagi memastikan wang awam dibelanjakan dengan cekap, berhemah serta memberi nilai faedah terbaik. Ia merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan kewangan negara kerana melibatkan peratus perbelanjaan wang awam yang tinggi daripada KDNK (Adham & Siwar, 2011; 2012). Penggunaan perolehan kerajaan sebagai instrumen untuk menjaga alam sekitar dikenali sebagai pembelian awam tanggungjawab alam sekitar (*environmentally responsible public purchasing-ERPP*) (Li & Geiser, 2005), pembelian mengutamakan alam sekitar (*environmental preferable purchasing-EPP*) (Cogburn & Rahm, 2005; USEPA, 1999), perolehan awam hijau (*green public procurement-GPP*) (Parikka-Alhola 2008; Bouwer et al. 2005; CEC, 2004; 2008; EC, 2011a; 2011b; Marron, 2003; PWC et al., 2009, Qiao & Wang, 2010; UNEP, 2011), perolehan awam alam sekitar (*environmental public procurement*) (CEC 2004) dan perolehan hijau kerajaan (GGP) (Geng & Doberstein, 2008; IGPN, 2010; Junkang & Xiaofei, 2009; Adham & Siwar, 2011; 2012). Terma yang diguna pakai di Malaysia ialah GGP yang didefinisikan sebagai pemerolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di sektor kerajaan dengan mengambil kira kriteria dan standard alam sekitar untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia (KeTTHA, 2012). GGP merupakan salah satu pendekatan mengarusperdana pertimbangan alam sekitar dalam membangunkan ekonomi.

Kajian literatur menunjukkan bahawa GGP telah dilaksanakan secara meluas sejak lebih dua dekad di luar negara (Erdmenger et al., 2001; Geng & Doberstein, 2008; Ho et al., 2010). Misalnya, Jerman telah melaksanakan GGP sejak tahun 1980-an, Belanda dan Denmark masing-masing pada tahun 1991 (Ho et al., 2010), Amerika Syarikat pada tahun 1993 dan Kanada pada tahun 1995 (Geng & Doberstein, 2008). Pada masa kini semakin banyak negara khususnya negara maju telah mempunyai polisi nasional GGP dan negara-negara berkenaan telah mendapat faedah ekonomi, sosial dan alam sekitar daripada pelaksanaan GGP (Bouwer et al., 2005; Geng & Doberstein, 2008; Ho et al., 2010; Li & Geiser, 2005; Kippo-Edlund et al., 2005; Ochoa & Erdmenger, 2003; Varnas et al., 2009). Di antara negara maju yang mempelopori pelaksanaan GGP ialah Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Korea Selatan, Sweden dan United Kingdom (Ho et al., 2010). GGP juga semakin mendapat perhatian negara-negara membangun (Geng & Doberstein, 2008). Di antara negara membangun yang telah melaksanakan GGP termasuklah Brazil, India, Mexico, Filipina dan Thailand (Ho et al., 2010). Walaupun banyak negara telah melaksanakan GGP, konsep GGP masih baru di Malaysia (Eltayeb & Zailani, 2009; GPNM, 2003; Wooi & Zailani, 2010; IGPN, 2010; Adham & Siwar, 2011; McMurray et al., 2009). Malaysia boleh menimba pengalaman daripada negara lain dalam merencana strategi melaksanakan GGP dengan mengenal pasti faktor kejayaan kritikal GGP. Kertas ini membentangkan dapatan kajian mengenai faktor kejayaan kritikal GGP berasaskan kepada pelaksanaan GGP di Korea Selatan dan Thailand. Kertas ini menghuraikan kerangka polisi dan perundangan, kerangka institusi, isu dan cabaran serta faktor kejayaan kritikal GGP di Korea Selatan dan Thailand ke arah melaksanakan GGP secara lebih efektif dan efisien.

METODOLOGI

Maklumat yang diperolehi dari data sekunder seperti buku, laporan, jurnal, pembentangan dan laman web dianalisis bagi mengenal pasti faktor-faktor utama yang mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggalakkan pembangunan GGP di Korea Selatan dan Thailand. Pemilihan Korea Selatan dan

Thailand dalam kajian ini dibuat berasaskan kepada dua faktor utama. Pertama, kedua-dua negara telah melaksanakan GGP dan merekodkan pencapaian yang memberangsangkan (IGPN, 2010). Kejayaan kedua-dua negara telah diakui dalam Mesyuarat Pakar Global GGP (*Global Experts Meeting on GGP*) di Kuala Lumpur pada tahun 2012. Kedua, terdapat sedikit sebanyak persamaan dalam sistem pentadbiran negara berkenaan dengan Malaysia yang akan memudahkan lagi proses adaptasi. Di samping itu, GGP di Korea Selatan memberi gambaran mengenai pelaksanaan GGP di negara maju manakala GGP di Thailand memberi gambaran mengenai pelaksanaan GGP di negara membangun. Kajian ini memberi fokus kepada aspek kerangka polisi dan perundangan, inisiatif, kerangka institusi, pencapaian dan isu serta cabaran.

DAPATAN KAJIAN

PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN DI KOREA SELATAN

Terma yang digunakan di Korea Selatan ialah GGP. Perolehan kerajaan telah dikenal pasti menyumbang secara signifikan kepada agenda pertumbuhan hijau (*green growth*) Korea Selatan khususnya dalam mewujudkan pasaran hijau memandangkan peratus perbelanjaan perolehan kerajaan Korea Selatan adalah sebanyak 9-10% daripada KDNK (Choi, 2010; KEITI, 2012b). Perolehan kerajaan diletakkan di bawah bidang kuasa *National Public Procurement Service* (KPPS) iaitu agensi di bawah Pejabat Perdana Menteri Korea Selatan (Choi, 2010; Koo & Lim, 2010). Korea Selatan merupakan antara negara Asia yang mendahului negara-negara lain dalam melaksanakan GGP kerana Korea Selatan berhasrat menjadi negara pengeksport utama produk hijau di peringkat global (KEITI, 2012a; Koo & Lim, 2010). Pelaksanaan GGP juga merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan Korea Selatan untuk merealisasikan polisi *Low Carbon Green Growth* bagi mengurangkan gas rumah hijau (*green house gas-GHG*) sebanyak 30% pada tahun 2020 (KEITI, 2011; 2012b) ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan kualiti alam sekitar serta menyumbang secara signifikan dalam menangani kesan perubahan iklim global.

Polisi, perundangan dan inisiatif

Inisiatif GGP di Korea Selatan bermula sejak tahun 1992 apabila *Ministry of Environment Republic of Korea* (MOERK) memperkenalkan polisi dan program pensijilan label eko, label jejak karbon dan reka bentuk eko untuk menggalakkan pengeluaran produk hijau (KEITI, 2012b). *Support for Environmental Technology and Environmental Industry Act* telah digubal pada tahun 1994 bagi menggalakkan perolehan hijau di sektor awam dan menguatkuasakan penggunaan label eko (KEITI, 2011; 2012b). Penguatkuasaan *Support for Environmental Technology and Environmental Industry Act* menjadi titik permulaan kepada pembangunan GGP di Korea Selatan, namun pelaksanaannya adalah tidak bersifat mandatori. Program *Environmental Declaration of Products System* telah dilancarkan pada tahun 2001 diikuti dengan majlis pertama promosi perolehan hijau kepada organisasi awam. Bagi menggalakkan reka bentuk eko iaitu pendekatan untuk mereka bentuk produk dengan mempertimbangkan kesan kepada alam sekitar sepanjang kitaran hayatnya, *Guideline for Ecodesign* telah dikeluarkan oleh MOERK pada tahun 2002 (KEITI, 2012a). *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* atau juga dikenali sebagai *Green Purchasing Law* telah diluluskan pada Disember 2004 dan seterusnya dikuatkuasakan pada Julai 2005. *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* menjadi asas perundangan kepada pelaksanaan GGP di Korea Selatan (KEITI, 2012a). Selain menggalakkan perolehan produk mesra alam (Ho et al., 2010), *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* memberi kuasa kepada MOERK untuk menyediakan garis panduan pembelian produk mesra alam dan mengarahkan agensi-agensi awam di peringkat kerajaan Pusat dan kerajaan tempatan untuk menyediakan dan mengumumkan pelan tindakan, strategi serta inisiatif bagi melaksanakan GGP dan melaporkan status kemajuan pelaksanaan GGP setiap tahun. Peranan kerajaan tempatan dalam pelaksanaan GGP turut diberi penekanan kerana perbelanjaan mereka adalah dua kali lebih banyak berbanding dengan perbelanjaan kerajaan Pusat (KEITI, 2012a).

Bagi melaksanakan GGP, sektor awam diberi mandat untuk memperoleh produk label eko, kitar semula dan cekap tenaga yang menepati kriteria *Korean Eco-Label* dan *Good Recycle Mark* (IGPN, 2010) serta *Energy Saving Mark* (Ho et al., 2010) dan lain-lain produk hijau yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh MOERK (KEITI, 2012a; Sung-Sik, 2012) seperti *Carbon Footprint Label*. Menurut Koo & Lim (2010) terdapat enam kategori produk hijau yang boleh diguna pakai dalam GGP iaitu produk yang mendapat pensijilan *Energy Consumption Label*, *High Energy Efficiency*

Certification, Low Stand-by Energy Certification, Renewable Energy, Eco-Label Products dan *Recycled Content Products*. Pelabelan dan kriteria yang ditetapkan oleh MOERK dijadikan sebagai kriteria rujukan bagi mengenal pasti produk hijau dan semua agensi kerajaan diwajibkan untuk membeli produk yang memenuhi kriteria pelabelan berkenaan. Jenis produk label eko yang terlibat dalam GGP ialah (i) Peralatan pejabat dan alat tulis (peralatan pejabat, kertas label, fail, kertas fotokopi, toner, kartrij, pen); (ii) Peralatan elektronik dan elektrik (televisyen, penghawa dingin, projektor video, pemain DVD, komputer); (iii) Peralatan guna habis (*consumables*) (tisu tandas, serbuk pencuci, bahan pembersih, beg sampah, barangan pakai buang); (iv) Bahan pembinaan (bahan lantai, cat, dinding dan panel kedap bunyi, bahan penebat dan penyerap bunyi, bahan pelekat); dan (v) Perkhidmatan (hotel, insurans kereta) (KEITI, 2012b).

Kriteria yang digunakan bagi menentukan piawaian produk dan perkhidmatan berlabel eko adalah (i) Aplikasi kitar hayat and fasa rantaian bekalan (*supply chain phases*); (ii) Ciri-ciri sosial dan alam sekitar; (iii) Pengiktirafan label eko bersama; dan (iv) Penyeragaman standard dan kekerapan mengkaji semula sistem. *Carbon Footprint Label* bertujuan untuk menyediakan maklumat mengenai kitaran pengeluaran GHG bagi produk dan perkhidmatan dan menggalakkan penggunaan dan pengeluaran karbon rendah sebagai usaha mengurangkan kesan perubahan iklim (KEITI, 2012a). Korea Selatan telah menganggotai *Global Eco-Labeling Network* (GEN) pada tahun 1997 (KEITI, 2012b). Melalui penglibatan dengan *Green Purchasing Network* (GPN), satu jaringan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan berlabel eko yang selaras dengan inisiatif yang ditawarkan di peringkat antarabangsa telah diperkenalkan (Sung-Sik, 2012). Pada tahun 2006, *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* telah disemak semula bagi memasukkan peruntukan untuk menyokong pembangunan kedai mesra alam iaitu kedai yang menyumbang kepada peningkatan kualiti alam sekitar dengan menyediakan kemudahan mesra alam dan melaksanakan amalan perniagaan hijau (KEITI, 2012a). Pada tahun 2011, *Basic Plans to Promote Purchase of Green Products 2011-2015* telah digubal. Pelan asas tersebut menggariskan beberapa objektif termasuk menyediakan platform GGP; menyokong pengeluaran, pengedaran dan pembelian produk hijau; menggalakkan penggunaan hijau; dan meningkatkan kerjasama global (Sung-Sik, 2012).

Di antara inisiatif yang terlibat di bawah *Basic Plans to Promote Purchase of Green Products 2011-2015* ialah untuk mewujudkan sistem mandatori pelaksanaan perolehan hijau; platform untuk sistem perolehan hijau; sistem maklumat produk hijau; bahan pembinaan hijau; insentif untuk penggunaan hijau; pusat sokongan penggunaan hijau tempatan; jaringan promosi penggunaan hijau; maklumat tepat mengenai perolehan hijau; pembangunan produk hijau dan penambahbaikan sistem yang berkaitan; jaringan pengedaran hijau di seluruh negara; sokongan untuk pengeluaran, pengedaran dan pembelian produk hijau; kerjasama global dalam label eko; perdagangan bebas untuk produk hijau; dan peraturan alam sekitar (KEITI, 2012a). Pada peringkat permulaan iaitu pada tahun 2005, sebanyak 707 organisasi awam telah melaksanakan GGP (KEITI, 2012a; 2012b; Sung-Sik, 2012). Dari segi sasaran, beberapa indikator telah digunakan untuk mengukur pencapaian GGP seperti bilangan produk hijau, pusat khidmat penggunaan hijau, kedai hijau, pengeluaran kad kredit hijau dan saiz pasaran produk hijau (KEITI, 2012a). GGP dalam konteks Korea Selatan dilihat berpotensi untuk meningkatkan bilangan produk dan perkhidmatan hijau dan seterusnya memperluaskan saiz pasaran produk hijau di Korea Selatan.

Bagi menyemarakkan usaha melaksanakan GGP, sesi latihan mengenai GGP kepada kakitangan yang menguruskan perolehan dan juruaudit di organisasi awam dilaksanakan secara intensif (Sung-Sik, 2012). Di antara pengisian sesi latihan tersebut ialah bagaimana menyediakan rancangan perolehan, mengumpul rekod perolehan, berkongsi amalan perolehan terbaik dan sistem pengumpulan rekod (KEITI, 2012a). Bengkel bagi mempertandingkan amalan terbaik GGP dalam kalangan kerajaan tempatan dan kakitangan tentera telah diadakan dan hadiah menarik dalam bentuk wang tunai dan latihan di luar negara diberikan kepada mereka yang berjaya (Sung-Sik, 2012). Insentif juga diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan GGP di organisasi masing-masing sekiranya mereka mencatatkan rekod pelaksanaan GGP yang cemerlang (KEITI, 2012a; Sung-Sik, 2012). Sebanyak 40 anugerah dalam bentuk latihan dan lawatan ke pameran produk hijau di luar negara disediakan setiap tahun kepada individu, peniaga dan organisasi yang menyumbang secara signifikan kepada pelaksanaan GGP (Sung-Sik, 2012). Di samping itu, temu bual dengan kakitangan yang menunjukkan rekod pencapaian GGP yang luar biasa dibuat pada setiap bulan dan seterusnya diterbitkan dan dibentangkan dalam seminar supaya amalan GGP mereka dapat dikongsi bersama (KEITI, 2012a). Sehingga Ogos 2012, sebanyak 28,700 temu bual telah dijalankan (Sung-Sik, 2012). Sesi latihan di luar negara juga diberikan sebagai insentif (KEITI, 2012a; Sung-Sik, 2012). Bagaimanapun, pegawai yang menguruskan perolehan akan dikenakan tindakan sekiranya gagal melaksanakan GGP kerana rekod pencapaian GGP dijadikan sebagai sebahagian komponen dalam penilaian prestasi (Sung-Sik, 2012).

Green Product Info System telah dibangunkan untuk menyediakan informasi mengenai produk hijau (Sung-Sik, 2012). Pada tahun 2005, kerajaan telah melancarkan *Government e-procurement System* (GePS) yang mempunyai jaringan maklumat yang komprehensif seperti maklumat mengenai kualiti produk dan kesan produk ke atas alam sekitar yang dihubungkan secara *real time* dengan KPPS bagi membolehkan rekod GGP organisasi awam dipantau oleh MOERK dan KEITI. GePS mempunyai seksyen khusus untuk produk hijau. Sistem ini merupakan satu-satunya sistem yang diguna pakai di dunia buat masa sekarang (KEITI, 2012a; Sung-Sik, 2012). Selain maklumat GGP secara atas talian, maklumat juga dicetak untuk diedarkan kepada kakitangan yang menguruskan perolehan (Sung-Sik, 2012). Garis panduan pelaksanaan GGP dan garis panduan menggalakkan penggunaan produk dan perkhidmatan hijau juga disediakan (KEITI, 2012a). Subsidi telah diperkenalkan bagi memudahkan perolehan produk dan perkhidmatan berlabel eko sekiranya ia mempunyai harga yang lebih tinggi berbanding dengan produk dan perkhidmatan yang lain seperti sistem perbezaan harga 10% dalam *Good Recycle Mark* (Ho et al., 2010). Pelbagai bentuk instrumen ekonomi telah disediakan untuk menggalakkan pembangunan industri hijau yang boleh menyokong pelaksanaan GGP. Di antaranya ialah *Eco-innovation Program* 2011-2020 yang memperuntukkan bajet sebanyak KRW782 bilion; *Program for Promoting Commercialisation of Promising Environmental Technologies* sebanyak KRW8.85 bilion; *Geo-Advanced Innovative Action Program* 2008-2017 sebanyak KRW139.7 bilion; *Converging Technology Program* sebanyak KRW15 bilion; dan *Financial Assistance to Nurturing Environmental Industry* yang tidak mempunyai nilai batasan pada kadar bunga serendah 1.5% dengan tempoh bayaran balik sehingga 10 tahun (KEITI, 2011).

Kerajaan Korea Selatan juga telah melaksanakan pelbagai program untuk menyokong pelaksanaan GGP seperti program kedai hijau dan kad kredit hijau (KEITI, 2011; 2012a). Program kad kredit hijau bertujuan untuk mengubah persepsi pengguna mengenai kesukaran untuk membeli produk hijau kerana ia sukar ditemui, tidak banyak pilihan dan mempunyai harga yang mahal. Program kad kredit hijau merupakan program sistem ganjaran mata atau insentif kepada individu yang menjimatkan tenaga, membeli produk hijau dan menggunakan pengangkutan awam. Mata ganjaran boleh digunakan sama ada untuk membeli produk hijau, mendermakannya untuk program alam sekitar dan kebajikan, membayar cukai tempatan, membeli tiket wayang dan menikmati juadah di restoran yang mengambil bahagian. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di mana sehingga penghujung tahun 2012, sebanyak 4.6 juta kad kredit hijau telah dikeluarkan dan program ini berjaya memupuk amalan hijau dalam kalangan pengguna (KEITI, 2011; 2012a). Promosi dan pameran produk eko seperti *Low Carbon Green Growth EXPO* juga telah diadakan sebagai langkah untuk menggalakkan penggunaan produk hijau dan meningkatkan kesedaran. Kempen peringkat kebangsaan selama dua minggu yang dikenali sebagai *Green Consumption Festival* dengan slogan "*Green Day! Green Festival*" telah dilaksanakan sejak tahun 2010 untuk menggalakkan penggunaan hijau. Menyedari kepentingan pengedar dalam membantu memperluaskan pasaran produk hijau, MOERK telah menetapkan kedai yang mempunyai keluasan lebih daripada 3,000 m² untuk menyediakan ruangan seluas lebih 10 m² yang dikhususkan untuk produk hijau. Selain itu, pusat sokongan penggunaan hijau diwujudkan bagi meningkatkan akses kepada produk dan perkhidmatan hijau (KEITI, 2011; 2012a). Pada tahun 2005, perjanjian melaksanakan perolehan hijau swasta secara sukarela yang melibatkan 30 buah syarikat telah ditandatangani (KEITI, 2012b).

Kerangka institusi

MOERK dan *Korea Environmental Industry & Technology Institute* (KEITI) memainkan peranan penting dalam menggerakkan pelaksanaan GGP di Korea Selatan. Kebanyakan aktiviti berkaitan pembangunan GGP diuruskan atau diselaraskan oleh MOERK dan KEITI. Selain pelaksanaan dan pemantauan GGP, MOERK dan KEITI diberi mandat di bawah *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* untuk menguruskan pelabelan eko, reka bentuk eko, perolehan hijau swasta, kedai hijau, kad kredit hijau (KEITI, 2011; 2012a), pembangunan kapasiti, program R&D dan komersialisasi, program penumpuan teknologi, pembiayaan kewangan industri alam sekitar dan program-program yang berkaitan dengan penggunaan dan pengeluaran hijau (KEITI, 2011).

Pencapaian

Sejak *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* dikuatkuasakan, institusi awam Korea Selatan telah memperoleh produk dan perkhidmatan hijau seperti perkhidmatan percetakan, pembersihan dan penyelenggaraan bangunan secara pembelian terus serta pembelian tidak langsung seperti pembaikan bangunan dan pembersihan (Sung-Sik, 2012). Mengikut rekod, GGP telah meningkat secara drastik sejak *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* dikuatkuasakan

(Ho et al., 2010). Penguatkuasaan *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* telah menyebabkan peningkatan nilai GGP sebanyak 6.5 kali ganda (KEITI, 2012b; Sung-Sik, 2012). Sehingga Disember 2012, sebanyak 1,841 buah syarikat dengan 9,140 produk telah mendapat pensijilan dan pasaran produk hijau telah meningkat dari USD1.5 bilion pada tahun 2004 kepada USD27.5 bilion pada tahun 2012 (KEITI, 2012a; 2012b). Sehingga April 2012, terdapat sebanyak 151 kategori kriteria pensijilan produk dan perkhidmatan, 144 jenis produk dan dua jenis perkhidmatan (KEITI, 2012b). *Green Product Info System* yang dibangunkan telah menyenaraikan lebih 24,000 jenis produk (Sung-Sik, 2012). Bagi *Carbon Footprint Label*, sebanyak 131 buah syarikat dengan 807 jenis produk telah menerima pensijilan dan dijangka lebih 2000 jenis produk akan mendapat pensijilan pada tahun 2015 (KEITI, 2012a). Bagi perolehan di sektor swasta, sebanyak 150 buah syarikat telah memeterai perjanjian sukarela untuk melaksanakan perolehan hijau. Dari segi pembangunan kedai hijau, sebanyak 104 buah kedai dan 7 peruncit telah mendapat pengiktirafan sebagai kedai hijau. Mengikut perancangan, sebanyak 300 buah kedai hijau lagi akan diwujudkan pada tahun 2015. Pada tahun 2006, perbelanjaan GGP telah meningkat sebanyak USD75 juta kepada USD862 juta berbanding USD787 juta pada tahun sebelumnya (Ho et al., 2010). Bermula pada tahun 2010, Korea Selatan telah membelanjakan hampir 2% daripada KDNK atau lebih kurang USD23 bilion untuk aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan dan pemasaran produk dan perkhidmatan berlabel eko (KEITI, 2012a). Sejak tahun 2010, Korea Selatan telah menetapkan sasaran untuk mencapai nilai GGP sebanyak USD1.4 bilion iaitu merangkumi hampir 80% daripada perolehan kerajaan Korea Selatan. Sasaran ini telah tercapai di mana pada tahun 2011, nilai GGP telah pun mencecah USD1.64 bilion (Sung-Sik, 2012). Pada tahun 2005, sebanyak 707 institusi awam terlibat dalam melaksanakan GGP dan jumlah ini meningkat kepada 864 pada tahun 2011. Kerajaan menyasarkan sebanyak 864 institusi kerajaan dan awam daripada sejumlah 28,700 melaksanakan GGP (KEITI, 2012a; 2012b; Sung-Sik 2012). Jumlah ini dijangka meningkat kepada 27,000 apabila sekolah awam dan sub-agensi mengambil bahagian dalam melaksanakan GGP (KEITI, 2012a). Dalam aspek pembangunan kapasiti, sebanyak 52,030 orang telah menghadiri sesi latihan dalam tempoh 2005 hingga Ogos 2012. GGP juga menyebabkan pengurangan sebanyak 3.2 juta tan GHG dan mewujudkan lebih 680 peluang pekerjaan dalam sektor alam sekitar (KEITI, 2012a).

Isu dan cabaran

Seok (2008) melaporkan terdapat beberapa limitasi dalam melaksanakan perolehan hijau di Korea Selatan iaitu tahap kesedaran pengguna yang rendah, kekurangan produk hijau yang berkualiti, tahap penglibatan pihak swasta yang rendah, kekurangan R&D dan ketidakberkesanan peraturan mengenai pencemaran produk.

Faktor kejayaan kritikal

Berdasarkan kepada penelitian data sekunder, kajian ini mendapati perundangan memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kejayaan GGP di Korea Selatan. Ini dapat dilihat dengan jelas di mana penguatkuasaan *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* di Korea Selatan pada tahun 2005 telah melonjakkan nilai GGP dan pada masa yang sama memberi kesan limpahan kepada peningkatan produk dan perkhidmatan hijau dalam pasaran. Perolehan produk dan perkhidmatan label eko Korea Selatan meningkat secara drastik apabila *Act to Promote the Purchase of Eco-friendly Products* dikuatkuasakan. Pada masa yang sama, pelaksanaan GGP turut disokong oleh sekurang-kurangnya empat Akta lain iaitu *Support for Environmental Technology and Environmental Industry Act*, *Act on the Promotion of Saving and Recycling of Resources* dan *Energy Use Rationalization Act*. Ini menunjukkan betapa signifikannya perundangan dalam menguatkuasakan pelaksanaan GGP. Kejayaan pelaksanaan GGP di Korea Selatan banyak dipengaruhi oleh komitmen padu kerajaan. Dalam konteks ini, kerajaan Korea Selatan telah menyediakan polisi yang jelas yang diterjemahkan dalam *Basic Plans to Promote Purchase of Green Products 2011-2015* berserta dengan pembentukan kerangka institusi dan penyediaan instrumen ekonomi dalam bentuk pembiayaan dan pengecualian cukai kepada pengeluar bagi menyokong pelaksanaan GGP. Dari segi kerangka institusi, MOERK dan KEITI diberi mandat jelas untuk menggerakkan pelaksanaan GGP dan mandat yang jelas ini dapat meningkatkan koordinasi dan mengelakkan berlakunya pertindihan bidang tugas. Kejayaan pelaksanaan GGP di Korea Selatan juga disokong oleh kejayaan pembangunan skim pensijilan dan pelabelan seperti *Korean Eco-Label*, *Good Recycle Mark*, *Energy Saving Mark* dan *Carbon Footprint Label* kerana kriteria pelabelan dijadikan sebagai rujukan utama dalam mengenal pasti produk hijau. Organisasi awam diwajibkan untuk membeli produk yang mempunyai pensijilan di mana markah tambahan akan diberikan kepada produk yang mempunyai pensijilan dalam penilaian tawaran tender

(Sung-Sik, 2012). Menurut KEITI (2011), keutamaan membeli produk yang mempunyai pensijilan perlu dinyatakan dalam garis panduan perolehan dan spesifikasi pembinaan. Kajian ini mendapati terdapat sinergi di antara label alam sekitar dan GGP kerana kedua-duanya saling menyokong di antara satu sama lain. Ini jelas dapat dilihat dengan pertambahan secara drastik produk hijau dalam pasaran apabila GGP dilaksanakan secara mandatori.

KPPS pula sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perolehan kerajaan telah membangunkan sistem pelaksanaan dan pemantauan GGP secara elektronik bagi memudah cara pelaksanaan. Instrumen yang inovatif seperti *Green Product Info System* dan *Government e-procurement System* memainkan peranan dalam memastikan pelaksanaan dan pemantauan GGP dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Selain itu, program pembangunan kapasiti dan promosi juga dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dan kepandaian pegawai perolehan, pengeluar dan pengguna. Pendidikan dan hubungan awam juga memainkan peranan penting supaya konsep GGP mendapat sokongan (Sung-Sik, 2012). Di samping itu, program promosi yang giat dilaksanakan oleh kerajaan dengan kerjasama pihak swasta telah meningkatkan tahap kesedaran pengguna, meningkatkan keupayaan pegawai perolehan dalam melaksanakan GGP serta membina kapasiti pengeluar. Program yang unik seperti kedai hijau dan kad kredit hijau juga ternyata dapat memupuk amalan hijau dalam kalangan pengguna. Kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan GGP juga dapat dilihat melalui penganan tindakan tertentu kepada mana-mana pegawai agensi kerajaan yang gagal dalam melaksanakan GGP. Dalam hal ini, rekod perolehan dijadikan sebagai salah satu komponen dalam penilaian prestasi. Sebaliknya, anugerah pula diberikan kepada individu atau organisasi sebagai ganjaran sekiranya mereka mencatatkan rekod pelaksanaan GGP yang cemerlang. Selain latihan intensif GGP, sesi pertandingan dan perkongsian amalan terbaik GGP dalam seminar turut menyumbang kepada pembinaan kapasiti GGP. Akhirnya, promosi dan pameran secara besar-besaran di seluruh negara mengukuhkan lagi sokongan terhadap pelaksanaan GGP dengan adanya tahap pengetahuan dan kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat untuk memulihara alam sekitar. Pendekatan GGP yang dilaksanakan oleh kerajaan Korea Selatan dilihat begitu komprehensif yang bukan sahaja bertujuan untuk memulihara alam sekitar tetapi pada masa yang sama memenuhi agenda pembangunan ekonomi dan sosial.

PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN DI THAILAND

Terma yang digunakan di Thailand ialah GPP. Perbelanjaan perolehan kerajaan di Thailand dianggarkan sebanyak 11-17% daripada KDNK dan sebagai pengguna utama, kerajaan Thailand memainkan peranan penting dalam mempromosi, memperkenalkan dan memajukan GPP (Ho et al., 2010). Menurut Suksod (2013), perolehan kerajaan memainkan peranan penting dalam menggalakkan perolehan hijau kerana peningkatan bilangan dan jenis produk hijau adalah perlahan; keprihatinan dan pilihan pengguna adalah terbatas; dan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan hijau adalah terlalu sedikit bagi membolehkan pelaburan dalam pembangunan produk dan perkhidmatan hijau (Suksod, 2013). Perolehan kerajaan Thailand dikawal selia oleh *Comptroller General's Department* (CGD).

Polisi, perundangan dan inisiatif

Thai Green Label Scheme dimulakan sejak Oktober 1993 oleh *Thailand Business Council for Sustainable Development* (TBCSD). Skim ini dilancarkan secara rasmi pada Ogos 1994 oleh *Thailand Environment Institute* (TEI) dan *Thai Industrial Standards Institute* (TISI) dengan kerjasama *Ministry of Industry Thailand* (MOIn) (Bunyagidj, 2012; Suksod, 2013). Skim ini diwujudkan untuk menyediakan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan mesra alam kepada pengguna supaya pengguna boleh mempertimbangkan kriteria alam sekitar dalam proses membuat keputusan pembelian. Pada masa yang sama, ianya bertujuan untuk mempromosi amalan penjagaan sumber semula jadi, mengawal pencemaran dan mendorong pengeluar untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan mesra alam (Prathumratana, 2013). Dalam konteks Thailand, produk dan perkhidmatan hijau adalah produk dan perkhidmatan yang mengurangkan kesan ke atas alam sekitar jika dibandingkan dengan produk dan perkhidmatan umum dan ia dinilai dengan menggunakan kitaran hayat bahan, pengeluaran serta sumber tenaga dan teknologi yang sesuai (Bunyagidj, 2012). GPP telah diperkenalkan di Thailand sejak tahun 2005 oleh *Pollution Control Department* (PCD) iaitu sebuah agensi di bawah *Ministry of Natural Resources and Environment Thailand* (MONRE) (IGPN, 2010; Suksod, 2013). Fokus pelaksanaan GGP di Thailand adalah untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar daripada penggunaan sektor awam serta merangsang pasaran produk dan perkhidmatan mesra alam. Langkah ini

adalah selaras dengan konsep penggunaan dan pengeluaran lestari (*sustainable consumption and production-SCP*) yang digariskan dalam *11th Economic and Social Development Plan 2011-2016* yang menegaskan peranan penting kerajaan sebagai pemimpin dalam menggalakkan amalan SCP, membangunkan ekonomi hijau, menggalakkan masyarakat karbon rendah dan mesra alam serta melaksanakan SCP bagi meningkatkan kualiti hidup, keselamatan dan kesihatan (Suksod, 2013).

Pelaksanaan GPP di Thailand juga disokong oleh *Environmental Quality Plan 2012-2016* yang bertujuan untuk memulihara ekosistem, sumber semula jadi dan biodiversiti; meningkatkan kualiti alam sekitar, mengurangkan kesan perubahan iklim dan bencana semula jadi dan mewujudkan masyarakat yang mempunyai tanggungjawab sosial (SWITCH-Asia, 2012). Pada peringkat awal, pelaksanaan GPP di Thailand adalah berteraskan *Green Product and Service Public Procurement Promotion Plan 2008-2011* yang diluluskan melalui resolusi kabinet pada 22 Januari 2008 (Bunyagidj, 2012; Suksod, 2013). Pelan ini dikenali sebagai fasa pertama pelaksanaan GPP bertujuan untuk memulakan dan menggalakkan pelaksanaan GPP di sektor kerajaan (Ho et al., 2010; IGPN, 2010) yang merangkumi agensi kerajaan Pusat dan Jabatan di bawah MONRE di Bangkok dan pejabat wilayah dengan alat sokongan yang berkesan (Suksod, 2013). PCD telah ditugaskan untuk melaksanakan Pelan GPP fasa pertama dengan Kementerian dan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti TEI, *National Science, Technology and Development Agency Thailand* (NSTDA) dan sektor swasta. PCD bekerjasama dengan TEI, *Federal of Thai Industry* (FTI) dan perunding untuk membangunkan kriteria GPP yang mengambil kira beberapa aspek teknikal (penghasilan produk dan perkhidmatan yang memberi kesan yang rendah kepada alam sekitar), alam sekitar (pertimbangan kos kitaran hayat) dan ekonomi (kesediaan produk dan perkhidmatan alternatif, kesediaan dalam pasaran, dan perolehan kerajaan dalam jumlah yang besar) (SWITCH-Asia, 2012). Hampir 82% kriteria produk dalam pelaksanaan GPP Thailand menggunakan kriteria produk daripada *Thai Green Label Scheme* selain daripada kriteria produk *Energy Efficiency Label* dan kriteria-kriteria yang lain (IGPN, 2010). Produk dan perkhidmatan yang memenuhi kriteria GPP dilabelkan sebagai *Green Cart* (Ponsri, 2010; Suksod, 2013). Senarai produk dan perkhidmatan mesra alam yang mengandungi item-item yang menepati kriteria yang telah ditetapkan telah disediakan dimana item-item tersebut merangkumi 14 jenis produk dan tiga jenis perkhidmatan.

Selepas tempoh fasa pertama GPP tamat, Thailand mengorak langkah ke fasa kedua dengan melancarkan *Green Product and Service Public Procurement Promotion Plan 2012-2016*. Objektifnya ialah untuk mengukuhkan pelaksanaan GPP secara efektif dalam agensi kerajaan, menambah bilangan produk dan perkhidmatan hijau dalam pasaran dengan menggalakkan pengeluar dan penyedia perkhidmatan mengubah visi dan proses pengeluaran yang mesra alam dan menggalakkan visi sosial dan perubahan tingkah laku ke arah penggunaan lestari (SWITCH-Asia, 2012). Sasaran fasa kedua adalah untuk meningkatkan GPP sebagai pemacu mekanisme SCP, merangsang penggunaan hijau untuk mengatur semula visi pengeluar ke arah pengeluaran berasaskan mesra alam dan kecekapan sumber, membangunkan tingkah laku pengguna untuk menggunakan produk dan perkhidmatan hijau, menggalakkan jaringan SCP dengan kerjasama domestik dan antarabangsa, dan menambah baik polisi mitigasi dan peraturan GPP (Suksod, 2013). Pelan ini juga mengetengahkan keperluan untuk memperluaskan pelaksanaan GPP dalam kalangan majlis perbandaran, komuniti setempat dan sektor swasta (SWITCH-Asia, 2012). Kumpulan sasaran pelan ini adalah sebanyak 2,088 pihak berkuasa tempatan (PBT) dan 178 pihak berkuasa awam seperti perusahaan Negeri dan universiti. Sebanyak sembilan produk dan tiga perkhidmatan mesra alam ditambah ke dalam senarai sedia ada menjadikan jumlah keseluruhan item bagi fasa kedua GPP adalah sebanyak 26 berbanding dengan 17 dalam fasa pertama GPP.

Pelbagai inisiatif untuk menggalakkan GPP telah dilaksanakan. Di antaranya termasuklah program pembangunan kapasiti pegawai perolehan kerajaan dan pengeluar/pembekal yang menjadi komponen penting kepada pelaksanaan GPP di Thailand. Program pembangunan kapasiti dilaksanakan melalui kursus (IGPN, 2010), seminar dan bengkel. Bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai GPP, PCD telah melaksanakan pelbagai aktiviti promosi (IGPN, 2010; Wangwongwatana, 2013), jerayawara (*road show*), kempen dan pameran produk dan perkhidmatan hijau. Perjanjian kerjasama dengan vendor seperti CenCar Co. Ltd. (*Carrefour*) dan CP ALL Co. Ltd. (*7-Eleven*) telah dimeterai untuk menyediakan sudut produk hijau dalam ruang perniagaan. Perbincangan dengan pengeluar/pengilang, peruncit dan pembekal juga diadakan dari masa ke masa untuk membincangkan mengenai kriteria produk hijau (Bunyagidj, 2012; Ponsri, 2010; Suksod, 2013; Wangwongwatana, 2013). Direktori produk dan perkhidmatan hijau seperti *Eco-Products Directory* dan *Green Products Directory* serta pangkalan data produk hijau atas talian telah dibangunkan (Bunyagidj, 2012; Ponsri, 2010, Suksod, 2013). *Eco-Products Directory* yang mengandungi senarai produk dan perkhidmatan hijau yang mendapat pensijilan label eko diterbitkan sebagai sumber rujukan bagi memudahkan pengguna mengenal pasti produk dan perkhidmatan hijau. Direktori yang diterbitkan pada tahun 2009

mengandungi 450 item manakala direktori yang diterbitkan pada tahun 2011 mengandungi 1,108 item (Bunyagidj, 2012; Suksod, 2013). Laman web GPP dan pangkalan data atas talian dibangunkan bagi memudahkan akses kepada maklumat mengenai GPP (Bunyagidj, 2012; IGPN, 2010). Insentif dalam bentuk anugerah diberikan kepada mana-mana individu atau agensi yang melaksanakan amalan terbaik GPP (Wangwongwatana, 2013) dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan GPP (Bunyagidj, 2012; Ponsri, 2010). Bagi membantu pegawai perolehan melaksanakan GPP, garis panduan GPP (IGPN, 2010), manual produk dan perkhidmatan hijau seperti *Green Products and Services Manual* yang menerangkan mengenai jenis dan kriteria produk dan perkhidmatan hijau serta contoh-contoh perolehan yang berkaitan telah diterbitkan (Bunyagidj, 2012). Di samping itu, prosedur dan sistem pensijilan dibangunkan bagi memudahkan pengeluar/pembekal mendapatkan pensijilan bagi produk dan perkhidmatan hijau menurut (Bunyagidj, 2012). Bagi memantau dan menilai status kemajuan GPP, sistem laporan elektronik telah dibangunkan di mana prestasi pelaksanaan GPP dipantau setiap enam bulan (Bunyagidj, 2012; IGPN, 2010).

Kerangka institusi

MONRE merupakan agensi yang menerajui pelaksanaan GPP dan salah satu Jabatan di bawahnya iaitu PCD diberikan peranan untuk menjalankan kajian dan membangunkan kriteria produk hijau (Ho et al., 2010). PCD memainkan peranan penting sebagai pusat setempat (*focal point*) untuk melaksanakan aktiviti bagi menggalakkan dan memudah cara pelaksanaan GPP. Pelaksanaan GPP digerakkan oleh dua Jawatankuasa Kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Promosi GPP dan Jawatankuasa Kerja Teknikal (*Technical Working Group*) (Ketkanokworrakit, 2013; SWITCH-Asia, 2012). Jawatankuasa Kecil Promosi GPP dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (*Deputy Permanent Secretary*) MOIn dan MONRE serta dianggotai oleh PCD, CGD, TISI, *Science Service Department* (SSD), *Department of Industrial Works* (DIW) dan wakil pengeluar/pengilang. Objektif penubuhan Jawatankuasa Kecil Promosi GPP adalah untuk menyokong produk dan perkhidmatan hijau, mengurangkan kesan alam sekitar oleh agensi kerajaan dengan kelulusan Jawatankuasa Kawalan Pencemaran. Bidang tugas Jawatankuasa Kecil Promosi GPP adalah untuk mencadangkan langkah dan polisi untuk menyokong GPP, memantau pelaksanaan GPP bagi memastikan semua agensi yang berkaitan mematuhi pelan GPP yang telah ditetapkan, meluluskan produk hijau, serta menggubal dan membangunkan kriteria produk hijau (Ketkanokworrakit, 2013). Jawatankuasa Kerja Teknikal pula ditubuhkan untuk membangunkan kriteria produk dan perkhidmatan hijau dan memastikan kesinambungannya. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Ketua Setiausaha (*Vice Secretary General*) PCD dan dianggotai oleh PCD, TISI, DIW, SSD, penyelidik, TEI, makmal pengujian dan wakil pengeluar/pengilang (Ketkanokworrakit, 2013). Pemantauan dan penilaian pelaksanaan GPP dilaksanakan oleh PCD dan NSTDA (Tibpramongkol, 2013).

Pencapaian

Fasa pertama pelaksanaan GPP menyaksikan sebanyak 170 organisasi awam telah terlibat dan peningkatan sebanyak empat kali ganda perolehan produk dan perkhidmatan hijau yang mempunyai pensijilan dalam organisasi awam. Pencapaian ini adalah seiring dengan sasaran yang telah ditetapkan. Pada tahun 2009, hanya sebanyak 49 organisasi awam telah mengambil bahagian, diikuti dengan penambahan kepada 94 pada tahun 2010, 141 pada tahun 2011 dan 170 pada tahun 2012. Bagaimanapun, hanya beberapa firma yang besar seperti *Siam Cement Group* di peringkat swasta telah melaksanakan perolehan hijau secara sukarela (SWITCH-Asia, 2012). Sejak pelaksanaan GPP, nilai GPP bagi fasa pertama telah mencecah USD23 juta SWITCH-Asia (2012) dan bilangan produk hijau yang mendapat pensijilan meningkat dengan drastik (Suksod, 2013; Prathumratana, 2013). Bilangan produk yang mendapat pensijilan meningkat daripada 191 pada tahun 2008 kepada 622 pada Julai 2013 dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 32.5%. Sehingga 31 Julai 2013, terdapat sebanyak 622 model, 23 kategori produk dan 67 pengeluar/pembekal disenaraikan di bawah Skim Label Hijau Thai. Sebanyak 73 standard/dokumen kriteria telah dibangunkan yang merangkumi bahan pembinaan (18 item), peralatan rumah (lima item), peralatan ICT (enam item), produk berkaitan kimia (sembilan item), pabrik (dua item), peralatan elektrik (15 item), peralatan pejabat (enam item), produk automotif (enam item), perkhidmatan (tiga item) dan lain-lain (tiga item) (Prathumratana, 2013). Pelaksanaan GPP di Thailand telah menyebabkan penjimatan kos eksternal sebanyak USD7.2 juta (Suksod, 2013). Pada masa yang sama ia menyebabkan pengurangan pelepasan GHG sebanyak 1,193,773 juta CO₂e (SWITCH-Asia, 2012). Adalah dijangkakan GPP akan terus berkembang di Thailand kerana sebahagian firma multinasional yang beroperasi di Thailand akan mengguna pakai kaedah pengeluaran/operasi yang mesra alam selaras dengan polisi firma induk, kesedaran mengenai

penjimatan kos disebabkan oleh rantai bekalan hijau iaitu dengan menggunakan bahan atau alat yang mesra alam dalam proses pembuatan, dan peningkatan kos minyak dan tenaga telah memberi tekanan kepada firma untuk berubah kepada perniagaan lestari (Suksod, 2013).

Isu dan cabaran

Kajian ini mendapati pelaksanaan GPP di Thailand masih lagi berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran walaupun telah mencapai prestasi pelaksanaan GPP yang baik. Pada fasa pertama, terdapat lapan item iaitu kotak dokumen, penanda papan putih, pencetak, perabot besi, cat bangunan, perkhidmatan penyewaan mesin fotokopi, perkhidmatan pembersihan dan perkhidmatan penginapan yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana masalah kesediaan produk dan pembekal yang rendah, pilihan yang ada melebihi bajet yang diperuntukkan dan pegawai perolehan memerlukan lebih banyak usaha untuk menjustifikasikan perolehan produk hijau (SWITCH-Asia, 2012). Suksod (2013) dan Tibpramongkol (2013) melaporkan isu kekurangan produk dan perkhidmatan hijau. Isu dan cabaran lain yang dilaporkan termasuklah kekurangan pengetahuan teknikal dalam kalangan pegawai perolehan; kriteria perolehan hijau yang terlalu terperinci sedangkan maklumat dalam label produk dan dokumen spesifikasi adalah tidak terperinci; pembekal gagal mengemukakan keputusan ujian atau dokumen berkaitan; peraturan perolehan kerajaan, resolusi kabinet dan sesetengah piawaian produk tidak menyokong GPP (Suksod, 2013); persepsi harga produk dan perkhidmatan hijau yang lebih mahal (Bunyagidj, 2012; Suksod, 2013); penglibatan sektor awam masih terhad (SWITCH-Asia, 2012); proses pembangunan kriteria produk mengambil masa yang lama; kelewatan dalam mengemas kini pangkalan data pembekal (Bunyagidj, 2012); kurang keyakinan pegawai perolehan dalam memperoleh produk dan perkhidmatan hijau serta kekurangan makmal pengujian (Tibpramongkol, 2013).

Faktor kejayaan kritikal

Berdasarkan kepada penelitian dokumen, kajian ini mendapati kejayaan pelaksanaan GPP di Thailand adalah kerana wujudnya polisi, perancangan yang jelas dan spesifik seperti mana terkandung dalam *Green Product and Service Public Procurement Promotion Plan 2008-2011* dan *Green Product and Service Public Procurement Promotion Plan 2012-2016*. Pada masa yang sama, mandat yang jelas diberikan kepada PCD berserta dengan Jawatankuasa Promosi dan Jawatankuasa Teknikal yang telah ditubuhkan. Penubuhan kedua-dua Jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan dilihat sangat berkesan dalam meningkatkan keberkesanan penyelarasan kerana pelaksanaan GPP merentasi sektor dan organisasi. Di samping itu, instrumen pelabelan seperti *Thai Green Label Scheme*, *Energy Efficiency Label*, *Carbon Footprint Thailand* dan *Green Leaf* yang digunakan sebagai kriteria GPP dan pangkalan data dalam bentuk direktori elektronik adalah instrumen penting untuk menyokong pelaksanaan GPP. Faktor kejayaan kritikal lain yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan GPP di Thailand termasuklah pelaksanaan program promosi melalui seminar, jerayawara, brosur, pameran dan seumpamanya bagi meningkatkan tahap kesedaran pegawai perolehan kerajaan, pembekal dan pengguna; khidmat sokongan oleh PCD; penyediaan prosedur pensijilan dan pangkalan data produk dan perkhidmatan hijau yang mendapat pensijilan; direktori hijau/produk eko (*eco products*); penyediaan skim pengiktirafan; penyediaan sistem pemantauan dan penilaian; dan hubungan kerjasama erat di antara pihak berkepentingan.

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya tujuh faktor kejayaan kritikal GPP di Korea Selatan dan Thailand. Faktor kejayaan kritikal yang telah dikenal pasti ialah (i) Komitmen dan sokongan padu kerajaan dalam bentuk polisi, inisiatif dan insentif yang menyokong pelaksanaan GPP; (ii) Perundangan dan peraturan bagi menguatkuasakan pelaksanaan GPP; (iii) Kerangka institusi yang jelas dan mantap bagi melaksanakan GPP; (iv) Kesediaan pembekal/produk dan perkhidmatan hijau serta instrumen GPP seperti label hijau dan direktori produk dan perkhidmatan hijau; (v) Pembangunan kapasiti pegawai perolehan kerajaan dan pembekal kerajaan; (vi) Promosi dan kempen bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan GPP; dan (vii) Sistem pemantauan pelaksanaan dan pelaporan GPP yang berkesan. Menurut Bouwer et al. (2005), faktor kejayaan kritikal GPP di EU ialah (i) Sokongan politik dan/atau polisi/garis panduan nasional; (ii) GPP dijadikan sebagai program nasional; (iii) Sumber maklumat berkaitan produk dan kriteria GPP boleh diperolehi dan diakses dengan mudah melalui laman web; (iv) Teknik perolehan yang inovatif seperti menggunakan kos

kitaran hayat (*life cycle costing-LCC*); dan (v) pelaksanaan sistem pengurusan alam sekitar (*environmental management system-EMS*). IGPN (2010) pula mendapati di antara faktor kejayaan kritikal GGP adalah komitmen dan sokongan pengurusan atasan dan kakitangan yang menguruskan perolehan, polisi dan sasaran yang jelas dan konsisten, komunikasi sesama pihak berkepentingan, instrumen pelaksanaan seperti LCC dan EMS, kesediaan produk hijau, maklumat mengenai produk hijau, pembangunan kapasiti, kriteria produk hijau dan peraturan bajet dan perakaunan yang mencukupi. EU (2011) dan UNEP (2012) menekankan kepentingan polisi, peraturan dan institusi sebagai langkah awal dalam menggerakkan pelaksanaan GGP secara berkesan. Menurut EU (2011), apabila polisi telah digubal, tanggungjawab dan kerangka masa perlu disediakan, prioriti dan sasaran perlu ditetapkan dan keperluan latihan perlu dinilai. Pembangunan kapasiti pegawai perolehan dalam melaksanakan GGP dan kapasiti pengeluar dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan hijau juga perlu diberi penekanan. Mengikut UNEP (2012), pendidikan dan latihan mesti diberikan mengikut peringkat dan sasaran kumpulan bagi memudah cara dan memastikan keberkesanan pelaksanaan GGP. Secara ringkasnya, pendekatan melaksanakan GGP di Korea Selatan dan Thailand boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu (i) Menyediakan polisi, perundangan, kerangka institusi; (ii) Membangunkan kapasiti pegawai perolehan kerajaan dan pengeluar/pembekal kerajaan; (iii) Menyediakan instrumen GGP seperti pelabelan, pangkalan data dan direktori; dan (iv) Menyediakan sistem pemantauan dan penilaian.

KESIMPULAN

Pendekatan yang digunakan oleh Thailand dan Korea Selatan dalam melaksanakan GGP tidak semestinya boleh diterima pakai di Malaysia secara total. Bagaimanapun, faktor-faktor kejayaan kritikal yang bersesuaian boleh diadaptasi bagi melaksanakan GGP secara lebih efektif dan efisien. Apa yang nyata, perancangan yang teliti perlu dilakukan sebelum GGP dilaksanakan untuk mengelakkan berlakunya masalah seperti ketidaksediaan produk dan perkhidmatan hijau dalam pasaran. Namun ini tidak bermakna sesebuah negara perlu menunggu tempoh masa yang lama sebelum mengambil keputusan untuk melaksanakan GGP. Apa yang penting, GGP perlu dilaksanakan secara berperingkat seiring dengan kesediaan pengguna dan pembekal. Dapatan ini penting bagi membolehkan Malaysia menimba pengalaman daripada negara lain sebagai panduan dalam merencana strategi pelaksanaan GGP.

RUJUKAN

- Adham, K. N. & Siwar, C. (2011). Perolehan produk hijau di sektor awam Malaysia: Hala tuju, inisiatif dan prospek. *Jurnal Pengurusan Awam*, 8(1), 61-90.
- Adham, K. N. & Siwar, C. (2012). GGP tingkat perolehan, rangsang pembangunan negara. *Berita Harian*, 8 March: 9.
- Bouwer, M., de Jong, K., Jonk, M., Berman, T., Bersani, R., Lusser, H., Nissinen, A., Parikka, K. & Szuppinger, P. (2005). *Green public procurement in Europe 2005 – status overview*. The Netherlands: Virage Milieu & Management bv, Korte Spaarne 31, 2011 AJ Haarlem. Retrived from http://www.ec.europa.eu/environment/gpp/pdf/report_facts.pdf.
- Bunyagidj, C. (2012). Key Elements of Government Green Procurement. Paper presented at Workshop/Experts Meeting on Green Public Procurement for Green Growth and Trade Competitiveness, Kuala Lumpur, 11 October.
- Choi, J. (2010). A study of the role of public procurement - Can public procurement make society better? *Proceedings of the 4th International Public Procurement Conference*. Retrived from <http://www.ippa.org/IPPC4/Proceedings/13ProcurementPreferences/Paper13-4.pdf>.
- Cogburn, J. D. & Rahm, D. (2005). Environmentally preferable purchasing: who is doing what in the United States? *Journal of Public Procurement*, 5(1), 23-53.
- Commission of the European Communities (CEC). (2004). *Buying Green! A handbook on environmental public procurement*. Luxembourg: Office for Official Publications of the European Communities. Retrived from http://ec.europa.eu/environment/gpp/buying_handbook_en.htm.
- Commission of the European Communities (CEC). (2008). *Public Procurement for a Better Environment*. Communication from the Commission to the European Parliament, The Council, The European Economic and Social Committee and The Committee of the Regions

- Brussels. Retrived from <http://www/eur-lex.europa.eu/LexUriServ/LexUriServ.do?uri=COM:2008:0400:FIN:EN:PDF>.
- Eltayeb, T. K. & Zailani, S. (2009). Going green through green supply chain initiatives towards environmental sustainability. *Operation Supply Chain Management*, 2, 93-110.
- Erdmenger, C., Eri, V., Fuhr, V., Lackner, B., Schmid, A. & Van Der Grijp, N. (2001). *The World Buys Green - International Survey on National Green Procurement Practices*. International Council for Local Environmental Initiatives, Freiburg, Germany. Retrived from http://www.procuraplus.org/fileadmin/template/projects/procuraplus/files/Intranet_Publication_s/Topics/Important_studies/TheWorldbuysgreen_www.pdf.
- European Commission (EC). (2011a). *What is GPP?* European Commission Environment. Retrived from C:\Users\perolehan\Desktop\EUROPA-Environment-Green public procurement.mht.
- European Commission (EC). (2011b). *Benefits of GPP? European Commission Environment*. Retrived from http://ec.europa.eu/environment/gpp/benefits_en.htm.
- European Union (EU). (2011). *Buying Green! A handbook on environmental public procurement 2nd Edition*. Luxembourg: Publications Office of the European Union.
- Geng, Y. & Doberstein, B. (2008). Greening government procurement in developing countries: building capacity in China. *Journal of Environmental Management* 88: 932-938.
- Green Purchasing Network Malaysia (GPNM). (2003). *An introductory study on green purchasing activities in Malaysia*, Kuala Lumpur: GPNM Malaysia.
- Ho, L. W. P., Dickinson, N. M. & Chan, G. Y. S. (2010). Green procurement in the Asian public sector and the Hong Kong private sector. *Natural Resources Forum*, 34 (2010), 24-38.
- International Green Purchasing Network (IGPN). (2010). *Green Purchasing: the new growth frontier - policies and programmes to enhance green business growth in Asia, Europe and the United States*. Japan: International Green Purchasing Network (IGPN)
- Junkang, W. & Xiaofei, L. (2009). Government green procurement and its supplier selection. *Proceedings of the 6th International Conference on Innovation and Management*. Retrived from http://www.pucsp.br/icim/ingles/downloads/papers/TL_033.pdf.
- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). (2012). *Pengenalan perolehan hijau Kerajaan*. Putrajaya: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.
- Ketkanokworrakit, A. (2013). Establishment of GPP structure and process and selection of GPP products. Paper presented at the Technical Workshop on Green Public Procurement, Bangkok Thailand, 28-29 September.
- Kippo-Edlund, P., Hauta-Heikkila, H., Miettinen, H. & Nissinen, A. (2005). *Measuring the environmental soundness of public procurement in Nordic countries*, Copenhagen: TemaNord.
- Koo, J. & Lim, J. (2010). Policy measures for low-carbon green growth. *Proceedings of the 4th International Public Procurement Conference* Retrived from <http://www.ipa.org/IPPC4/Proceedings/13ProcurementPreferences/Paper5-5.pdf>.
- Korea Environmental Industry & Technology Institute (KEITI). (2012a). *Buy Green Bye CO₂ – Korea's Sustainable Consumption and Production Policy*, Korea: Ministry of Environment Republic of Korea & Korea Environmental Industry & Technology Institute.
- Korea Environmental Industry & Technology Institute (KEITI). (2012b). *Buy Green Bye CO₂ – Korea's Green Consumption and Production Policy*, Korea: Ministry of Environment Republic of Korea & Korea Environmental Industry & Technology Institute.
- Korea Environmental Industry & Technology Institute (KEITI). (2011). *Working Towards Green Growth*, Korea: Korea Environmental Industry & Technology Institute.
- Li, L. & Geiser, K. (2005). Environmentally responsible public procurement (ERPP) and its implications for integrated product policy (IPP). *Journal of Cleaner Production*, 13, 705–715.
- Marron, D. (2003). Greener public purchasing as an environmental policy instrument. *OECD Journal on Budgeting*, 3(4), 71-105.
- McMurray, A.J, Islam, M. M., Siwar, C. & Fien, J. (2009). Sustainable procurement in the public and private sector: A case study in Malaysia. Paper presented at the 23rd Australian and New Zealand Academy of Management Conference (ANZAM 2009). held at RMIT University, Australia Melbourne, 2-4 December. Retrived from <http://www.mams.rmit.edu.au/vw2conqmq8d3.ppt>.
- Ochoa, A. & Erdmenger, C. (2003). *Study Contract to Survey the State of Play of Green Procurement in the EU - Final Report*. International Council for Local Environment Initiatives (ICLEI).
- Parikka-Alhola, K. (2008). Promoting environmentally sound furniture by green public procurement. *Ecological Economics*, 68, 472-485.
- Ponsri, S. (2010). Thailand Green Purchasing Legislation. Paper presented at the Green Procurement Awareness Workshop, 3 November, Selangor.

- Prathumratana, L. (2013). Thai Green Label and responses from manufacturers. Paper presented at the Technical Workshop on Green Public Procurement. Bangkok Thailand, 28-29 September.
- PricewaterhouseCoopers (PWC), Significant & Ecofys. (2009). *Collection of statistical information on Green Public Procurement in the EU - Report on data collection results*. PricewaterhouseCoopers, Significant & Ecofys. Retrived from http://www.ec.europa.eu/environment/gpp/pdf/statistical_information.pdf.
- Qiao, Y. & Wang, C. (2010). China green public procurement program: issues and challenges in its implementation. *Proceedings of the 4th International Public Procurement Conference*, (pp. 1-30). Retrived from [http://www.ippa.org/IPPC4/Proceedings/07 GreenProcurement/ Paper7-6.pdf](http://www.ippa.org/IPPC4/Proceedings/07%20GreenProcurement/Paper7-6.pdf).
- Seok, S. (2008). Green purchasing in Korea: Policy & markets. Retrived from [http://www.singg.org/inc/download.asp?UPFILE=Eco-Pro\(ENG\).pdf](http://www.singg.org/inc/download.asp?UPFILE=Eco-Pro(ENG).pdf).
- Suksod, J. (2013). Thailand Green Public Procurement. Paper presented at the Technical Workshop on Green Public Procurement. 28-29 September, Bangkok, Thailand,
- Sung-Sik, M. (2012). Korea's Green Procurement Policy. Paper presented at the Workshop/Expert Meeting on Green Public Procurement for Green Growth and Trade Competitiveness. Kuala Lumpur, 11 Oktober.
- Sustainable Consumption and Production - Policy Support Component Thailand (SWITCH-Asia). (2012). *Baseline Report on Green Public and Private Procurement*. Thailand: SWITCH-Asia
- Tibpramongkol, J. (2013). Monitoring and Evaluation of GPP Phase I. Paper presented at the Technical Workshop on Green Public Procurement. Bangkok, Thailand, 28-29 September.
- United Nations Environment Programme (UNEP). (2011). *Green Economy: Pathways to Sustainable Development and Poverty Eradication - A Synthesis for Policy Makers*. UNEP. Retrieved <http://www.unep.org/greeneconomy>.
- United Nations Environment Programme (UNEP). (2012). *Sustainable Public Procurement Implementation Guidelines - Introducing UNEP's Approach*, Paris: UNEP DTIE.
- United States Environmental Protection Agency (USEPA). (1999). *Final Guidance on Environmentally Preferable Purchasing*. US Environmental Protection Agency (EPA). Retrived from <http://www.epa.gov/epp/pubs/guidance/finalguidance.htm>.
- Varnas, A., Balfors, B. & Faith-Ell, C. (2009). Environmental consideration in procurement of construction contracts: current practice, problems and opportunities in green procurement in the Swedish construction industry. *Journal of Cleaner Production*, 17, 1214-1222.
- Wangwongwatana, S. (2013). Marketing and Communication strategy and plan for Thai GPP. Paper presented at the Technical Workshop on Green Public Procurement. Bangkok, Thailand, 28-29 September.
- Wooi, G. C. & Zailani, S. (2010). Green supply chain initiative: Investigation on the barriers in the context of SMEs in Malaysia. *International Business Management*, 4(1), 20-27.